

Prosedur halang usahawan Melayu mohon sijil halal

UM 15/7 PG25

Oleh ROKIAH ABDULLAH

PULAU PINANG 14 Julai - Banyak syarikat milik usahawan Melayu dikenal pasti kurang berminat mendapatkan sijil piawaian halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi produk dan perkhidmatan mereka berikutan pelbagai prosedur yang dikenakan pihak berkuasa.

Pensyarah dari Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Mohd. Nor Mamat berkata, selain itu kos yang tinggi bagi mendapatkan sijil piawaian itu turut menjadi penghalang.

"Kebanyakan syarikat berkenaan merupakan syarikat kecil berdasarkan produk industri kecil dan sederhana (IKS).

"Mereka tidak mampu membayar kos yang agak banyak untuk mendapatkan piawaian atau tanda halal.

"Prosedur untuk mendapatkannya juga

rumit dan memakan masa yang agak panjang. Perkara-perkara ini membuatkan mereka mengambil jalan mudah dengan berdiam diri selagi tidak ada sebarang aduan dikemukakan kepada pihak berkuasa," kata Mohd. Nor.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk *Keperluan Piawaian Halal Untuk Tujuan Komersial di Malaysia: Kajian Kes ke atas Syarikat-Syarikat di Lembah Klang* pada seminar Kebangsaan Produk Halal 2006 anjuran Sekretariat Falsafah, Universiti

Kalau Islam atau Melayu sekalipun, piawaian perlu supaya pengguna tidak merasa ragu-ragu menggunakan produk yang dihasilkan dan barangan itu dijamin kebersihan dan kesuciannya

MOHD. NOR MAMAT
Pensyarah Pusat
Pemikiran dan
Kefahaman Islam
UiTM Shah Alam

Sains Malaysia (USM) di sini hari ini.

Mohd. Nor berkata, pada masa yang sama, negara juga tidak mempunyai badan khas piawaian yang boleh menyediakan kemudahan itu kepada syarikat tersebut.

"Sekarang semua berkaitan piawaian halal kita serahkan kepada Jakim. Tapi Jakim lebih tertumpu kepada industri makanan. Bagaimana pula dengan barangan dan perkhidmatan lain seperti hartanah, kosmetik dan perubatan," katanya.

Jelas beliau, lebih memburukkan keadaan apabila terdapat juga syarikat sedemiki-

an beranggapan mereka sebagai pengusaha beragama Islam dan berketurunan Melayu tidak perlu mendapatkan piawaian halal.

"Kalau Islam atau Melayu sekalipun, piawaian perlu supaya pengguna tidak merasa ragu-ragu menggunakan produk yang dihasilkan dan barangan itu dijamin kebersihan dan kesuciannya," ujarnya.

Dalam pada itu, Mohd. Nor berkata, hasil kajian mereka terhadap 310 syarikat terpilih di Shah Alam, Klang, Petaling Jaya dan Kuala Lumpur pada 2004 juga mendapati 222 atau 71.6 peratus daripadanya tidak pernah menggunakan khidmat piawaian halal.

Katanya, hanya 88 syarikat iaitu 28.4 peratus yang pernah atau sedang menggunakan khidmat tersebut.

"Masyarakat pada masa kini semakin sedar tentang kepentingan tanda halal. Oleh itu, amat jelas bahawa perlunya satu pusat khas ditubuhkan bagi menjalankan piawaian secara menyeluruh untuk semua produk dan perkhidmatan," katanya.